

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian kontrak

Selaras Gred UD43 setara lantikan tetap

Kelulusan ambil kira permohonan pelarasan, harga perkhidmatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan bersetuju menyelaraskan gred Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berstatus kontrak daripada Gred UD41 kepada Gred UD43, setara pegawai lantikan tetap.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kelulusan itu mengambil kira banyak permohonan diterima daripada pelbagai pihak supaya kerajaan mempertimbangkan pelarasan gred itu.

Beliau berkata, kelulusan per-

mohonan itu sebagai menghargai perkhidmatan diberikan kumpulan berkenaan, sekali gus membolehkan pegawai kontrak menerima emolomen setara pegawai lantikan tetap.

"Kelulusan ini bersesuaian dengan pendekatan 'Malaysia Prihatin' yang diamalkan kerajaan pada masa ini serta selaras prinsip upah mengikut kerja.

"Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian lantikan kontrak turut memikul beban tugas setara pegawai lantikan tetap, yang dinaikkan pangkat ke Gred 44, selepas memenuhi syarat kenaikan



Adham Baba

pangkat dan tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya dua tahun.

"Pelarasan gred ini selaras perbekalan skim perkhidmatan yang membenarkan Pegawai Perubatan dilantik secara kontrak atas Gred UD43, yang mana gred berkenaan setara gred kenaikan pangkat UD44," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Adham mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana meluluskan permohonan kementerianya serta menaruh keyakinan bahawa keputusan itu berupaya memberi impak positif ke arah memperkukuhkan keharmonian organisasi dan meningkatkan lagi motivasi pegawai dalam memberikan perkhidmatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Kelantan tak perlu pelaksanaan PKPB

Kota Bharu: Tiada keperluan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kelantan memandangkan penularan kes Covid-19 masih terkawal setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, peningkatan kes tidak boleh dilihat dalam tempoh sehari dua sahaja, sebaliknya perlu melihat kepada faktor lain sebelum pelaksanaan PKPB sebagaimana di kebanyakan negeri lain.

“Peningkatan kes di Kelantan sejak kebelakangan ini memang sudah dijangka disebabkan wujudnya Kluster Kube.

“Jika dilihat kepada statistik semasa dan kluster yang ada, ia masih terkawal se-

takat ini,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, antara faktor lain yang perlu dilihat sebelum pelaksanaan PKPB adalah bilangan kluster yang ada di sesebuah negeri.

“Pada masa sama, kluster berkenaan terkawal atau tidak, bilangan jangkitan tempatan dan pematuhan masyarakat terhadap prosedur operasi standard (SOP),” katanya.

Sehingga kelmarin, Kelantan mempunyai 31 kes aktif dengan satu Kluster Kube.

Terdahulu, tular di media sosial mengatakan Kelantan akan dikenakan PKPB bermula hari ini berikutan peningkatan kes Covid-19 di negeri itu.



PENULARAN kes Covid-19 di Kelantan masih terkawal.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Harapan tinggi terhadap pengeluar vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Malaysia meletakkan harapan tinggi terhadap pengeluar vaksin Covid-19 yang dijangka boleh digunakan seawal suku pertama tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, berdasarkan laporan terkini, terdapat 10 calon syarikat terkemuka pengeluar vaksin telahpun melepasi ujian klinikal fasa ketiga dalam membangunkan vaksin Covid-19.


“Seperti kita diberitahu, Pfizer Inc BioNTech SE didakwa mempunyai keberkesanan 90 peratus. Kita yakin

banyak lagi *leading candidates* dalam dunia seperti Gamaleya Research Institute yang mengeluarkan vaksin juga telah melepasi (ujian klinikal) fasa ketiga yang boleh kita lihat sebagai peluang untuk kita berikan vaksin kepada rakyat kita.

“Bagaimanapun, vaksin dari China masih belum dapat kita ketahui hasil (ujian klinikal) fasa ketiga vaksin mereka,” katanya dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini semalam. - *Bernama*

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat dari unit Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya Shah Alam melakukan semburan sanitasi di ruang bilik asrama pelajar selepas terdapat empat kes positif COVID-19 membabitkan kakitangan kontrak pembersihan. (Foto Aizuddin Saad/BH)

1,103 kes baharu, 4 maut di Sabah

544 jangkitan positif dikesan di Lembah Klang

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,103 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan 544 kes positif atau 49.3 peratus dikesan di negeri sekitar Lembah Klang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu 484 kes atau 89.0 peratus adalah daripada kluster sebelum ini.

Seperti kelmarin, beliau berkata, Kluster Tapak Bina Damamlela di Kuala Lumpur terus mencatatkan angka tertinggi dengan 385 kes.

"Sabah pula mencatatkan 288 kes (26.1 peratus) daripada keseluruhan kes positif hari ini (semalam) dan ia menunjukkan penurunan berbanding sebelum ini. Ia adalah keberkesanan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit yang dijalankan secara agresif sejak berlakunya peningkatan kes di negara berkenaan," katanya ketika sidang media semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata dengan 544 kes positif baharu yang direkodkan se-

malam, menjadikan kumulatif 48,520 kes COVID-19 dicatatkan di negara ini.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 821 kes sembuh dicatatkan menjadikan kumulatif 35,606 kes pulih di negara ini atau 73.4 peratus daripada keseluruhan kes.

Sementara itu, katanya empat kematian disebabkan COVID-19 dilaporkan menjadikan kumulatif kes kematian di negara ini 313 kes bersamaan 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Semua kes kematian dilaporkan di Sabah iaitu masing-masing dua di Hospital Queen of Elizabeth dan Hospital Tawau. Empat kes kematian itu membabitkan masing-masing dua wanita dan lelaki yang berusia antara 46 hingga 73 tahun," katanya.

Dr Noor Hisham juga berkata, satu kluster baharu dikenali sebagai Kluster Matambai dikesan di daerah Kota Kinabalu dan Penampang, Sabah yang setakat ini sudah menjangkiti 24 individu.

"Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22,962) dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 22 Oktober lalu sebelum dimasukkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Matambai, Penampang.

"Sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 333 individu sudah disaring, dan daripada jumlah berkenaan 306 individu di-

kesan negatif dan tiga lagi individu masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, Kluster Jeram di daerah Kubang Pasu, Kedah pula diisytiharkan tamat selepas tidak lagi mencatatkan pertambahan kes baharu dalam tempoh 28 hari.

Katanya, setakat jam 12 tengah hari semalam seramai 351 individu disaring di mana lima kes dikesan positif COVID-19 manakala 346 individu lagi adalah negatif dan tiada kematian dilaporkan bagi kluster itu.

Selain itu, Dr Noor Hisham juga berkata, KKM sedang mempertimbangkan cadangan individu yang mahu bergerak dari Zon Merah ke Zon Hijau berkemungkinan perlu menjalani ujian saringan COVID-19, pada masa hadapan.

Beliau berkata ia antara usaha melindungi daerah atau negeri yang masih lagi berada dalam Zon Hijau di negara ini.

"Kita kena lihat bagaimana untuk melindungi negeri hijau. Kita kena lihat bagaimana untuk menjalankan saringan terhadap mereka dari Zon Merah ke Zon Hijau.

"Tindakan kita untuk melindungi negeri hijau. Diharapkan dalam tempoh beberapa hari, ada enam negeri yang dalam kategori Zon Hijau dan kita perlu melindungi keenam-enam negeri ini dengan melaksanakan tindakan kesihatan awam," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 41
 RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

660,905 jumlah kes harian tertinggi terbaru

Lebih 1.3 juta kematian dilapor sejak pandemik tercetus

Geneva: Papan makluman jumlah kes COVID-19 bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mencatatkan rekod angka jangkitan harian, hujung minggu lalu.

Ia menunjukkan sebanyak 660,905 kes pandemik berkenaan dilaporkan kepada WHO kelmarin, angka harian tertinggi setakat ini.

Angka itu dan 645,410 kes yang dilaporkan pada Jumaat lalu, melepasi rekod harian 614,013 jangkitan pada 7 November.

Daripada jumlah kes baharu dicatatkan kelmarin, WHO bagi rantau Amerika turut merekodkan angka harian tertinggi sebanyak 269,225 jangkitan.

Setiap minggu, jumlah kes dilaporkan kepada WHO dilihat sebagai cenderung memuncak menjelang Jumaat, Sabtu dan Ahad, sebelum kembali menurun pada Selasa serta Rabu.

Berdasarkan perangkaan WHO, sejumlah lebih 53.7 juta jangkitan COVID-19 dilaporkan sejak pandemik itu tercetus, dengan lebih 1.3 juta kematian.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, memberi amaran bahawa 'perjalanan masih jauh' dalam



Kakitangan perubatan memeriksa pesakit COVID-19 di unit rawatan rapi di Pusat Perubatan Houston, Texas.
 (Foto AFP)

usaha mengawal virus itu di seluruh dunia.

Sebanyak 9,928 kematian dilaporkan kepada WHO pada Khamis lalu, diikuti Jumaat (9,567) dan Sabtu (9,924), sekali gus menjadi kali pertama lebih 9,500 korban dicatatkan dalam tempoh tiga hari berturut-turut.

Bilangan korban pada Khamis lalu muncul yang tertinggi selepas 10,012 kematian dilaporkan pada 15 Ogos dan adalah angka harian ketiga tertinggi sepanjang tempoh pandemik itu setakat ini.

angka lebih tinggi sebelum ini dilihat sebagai berikutan pelaporan tidak biasa.

"Tiada negara boleh menyatakan mereka sudah cukup bersedia menghadapi COVID-19, ataupun tidak ada sebarang iktibar yang boleh diambil," kata Tedros.

Beliau berkata demikian ketika menutup perhimpunan tahunan WHO di mana negara anggota meluluskan resolusi memperkukuh persediaan menghadapi kecemasan kesihatan.

Meskipun mengalu-alukan per-

kembangan pesat usaha menghasilkan vaksin yang selamat dan berkesan untuk mengatasi COVID-19, Tedros mengingatkan bahawa 'perjalanan masih jauh'.

Beliau turut menekankan bahawa virus itu boleh dikendalikan walaupun tanpa penemuan vaksin, setakat ini.

"Dunia tidak boleh 'meletakkan semua telur ke dalam sebuah bakul' dan mengabaikan banyak lagi langkah lain yang berkesan untuk mengawal virus ini," katanya.

AFP

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

10 calon pengeluar vaksin lepassi ujian klinikal fasa ketiga

Kuala Lumpur: Malaysia meletakkan harapan tinggi terhadap pengeluar vaksin untuk memperoleh vaksin Covid-19 yang dijangka boleh digunakan seawal suku pertama tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, berdasarkan laporan terkini terdapat 10 calon syarikat terkemuka pengeluar vaksin sudah melepasi ujian klinikal fasa ketiga dalam membangunkan vaksin

Covid-19.

"Seperti kita diberitahu, Pfizer Inc dan BioNTech SE didakwa mempunyai keberkesanan 90 peratus. Ini satu perkembangan sihat dan baik.

"Kita yakin banyak lagi *leading candidates* dalam dunia seperti Gamaleya Research Institute yang mengeluarkan vaksin telah melepasi (ujian klinikal) fasa ketiga yang boleh kita lihat sebagai peluang

untuk berikan pelalian kata, perolehan vaksin Covid-19 di negara ini bergantung kepada penelitian terperinci terhadap kualiti, keselamatan, implikasi dan pendaftaran dilaksanakan di negara itu untuk vaksin dikeluarkan.

"Bagaimanapun, vaksin dari China masih belum dapat kita ketahui hasil (ujian klinikal) fasa ketiga vaksin mereka. Kita masih belum selesai berunding," katanya.

Namun, Dr Adham ber-



Sementara itu, menjabar sama ada bekas pesakit

Covid-19 boleh dijangkiti semula virus itu, Dr Adham berkata, peluang adalah rendah berbanding mereka tidak pernah dijangkiti.

Beliau berkata, kadar penyembuhan Covid-19 turut menunjukkan peningkatan dengan 73 peratus direkodkan semalam, berbanding 65 peratus pada dua minggu lalu, sekali gus membuktikan protokol dan rejim rawatan dilaksanakan di hospital di negara ini berte-

patan dengan pendekatan kesihatan awam.

Mengulas mengenai peningkatan kes baharu positif Covid-19 di Lembah Klang beliau berkata, peningkatan kes itu adalah berkaitan dengan kluster tempat kerja dan tapak pembinaan dengan tahap kebolehan tinggi kerana ada pergerakan selain kurang pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP).



ANGGOTA bomba dari Unit Hazmat Shah Alam membantu melakukan semburan sanitasi pada ruang bilik asrama pelajar di Kolej Vokasional Kajang selepas terdapat empat kes positif Covid-19 melibatkan kakitangan kontrak pembersihan.

Kekal empat angka, 4 kematian dicatatkan

Kuala Lumpur: Kes baharu positif Covid-19 di Malaysia masih merekodkan empat angka apabila 1,103 kes dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan kes 48,520 kes dengan kadar kebolehan 12,601 kes.

Beliau berkata, negeri di Lembah Klang mencatatkan 544 kes positif dengan 484 kes (89.0 peratus) adalah daripada kluster sedia ada.

"Kluster melaporkan kes tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Daimanlela di Kuala Lumpur iaitu 385 kes.

"Sabah pula mencatatkan 288 kes positif dan penurunan kes positif ini menunjukkan keberkesanan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit dijalankan secara agresif sejak berlaku peningkatan kes, sebelum ini," katanya,

semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 821 kes pulih direkodkan, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 35,606 kes.

Beliau berkata, empat kematian dicatatkan memabitkan dua lelaki dan wanita berusia antara 46 hingga 73 tahun.

"Pesakit terbabit meninggal dunia ketika dirawat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital Tawau," katanya.



—DR Noor Hisham

Pekerja asing diwajibkan semula jalani saringan

Kuala Lumpur: Kerajaan mewajibkan semula ujian saringan Covid-19 terhadap pekerja warga asing di sektor pengawal keselamatan dan tapak pembinaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob berkata, ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerajaan sudah mewajibkan ujian saringan berkenaan terhadap dua sektor pekerjaan itu.

"Hari ini kerajaan mewajibkan semula pekerja di dua sektor itu untuk membuat saringan semula.

"Kerajaan juga akan memperketatkan lagi tindakan penguatkuasaan dan juga prosedur operasi stan-

dar (SOP) di kawasan sektor pekerjaan berkenaan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, pihaknya juga meminta Kementerian Sumber Manusia untuk membentangkan cadangan terperinci bagaimana kaedah yang sesuai bagi mengawal penularan jangkitan memabitkan pekerja warga asing.

"Mesyuarat teknikal juga berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia supaya melihat bukan sahaja pengawal keselamatan atau tapak pembinaan malah keseluruhan industri untuk melakukan ujian saringan," katanya.

13,190 kena isolasi

Asrama pekerja Top Glove di Klang kena perintah PKPD

Oleh Hafidzul Hilmi

Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja syarikat sarung tangan Top Glove di Klang, Selangor bermula tengah malam tadi sehingga 30 November ini.

Pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan terpaksa dibuat selepas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 215 kes positif Co-

vid-19.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob berkata, pelaksanaan PKPD di kawasan Jalan Abadi, Klang itu akan memabitkan 13,190 pekerja yang tinggal di asrama lelaki dan asrama wanita.

"PKPD bagi membolehkan KKM melaksanakan saringan bersasar kepada semua penghuni asrama dan penduduk.

"Pelaksanaan PKPD memabitkan kawasan asrama lelaki di Jalan Abadi 1A/KU8, asrama wanita di Jalan Abadi 1A/KU8 dan Jalan Abadi 10A/KU8," katanya, sema-



PKPD bagi membolehkan KKM melaksanakan saringan bersasar kepada semua penghuni asrama dan penduduk"

Ismail Sabri

lam.

Beliau berkata, PKPD turut memabitkan 1,200 penduduk di kawasan berhampiran.

Sementara itu, Ismail Sa-

bri berkata, kerajaan juga memutuskan untuk menamatkan PKPD di Institut Latihan Kesihatan Malaysia Johor Bahru, PKPD Pusat Tahanan Sementara (PTS) Kota Kinabalu, Penjara Kepayan dan Kuarters Penjara Taman Mat Salleh Kampung Matamba, Sabah.

"Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, sidang khas bersetuju menamatkan PKPD di kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, semua penduduk di lokaliti ini masih tertakluk kepada SOP PKPB yang dilaksanakan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kluster Tapak Bina Damanlela, penyumbang jumlah kes harian

Kes positif di KL kekal tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Kuala Lumpur merekodkan angka tertinggi kes harian dua hari berturut-turut dengan 392 kes daripada jumlah keseluruhan 1,103 kes baharu positif yang dilaporkan semalam.

Berdasarkan statistik itu, Kluster Tapak Bina Damanlela menyumbang jumlah tertinggi sebanyak 385 kes sekali gus angka positif terkini dalam kluster tersebut sebanyak 1,132 kes.

Mengikut campuran kes negeri-negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 544 kes atau 49.3 peratus dengan 484 kes daripadanya atau 89.0 peratus membabitkan kluster aktif.

Sabah pula merekodkan sebanyak 288 kes atau 26.1 peratus, manakala Perak mencatatkan 116 kes atau 10.5 peratus iaitu peningkatan sebanyak 5.5 kali ganda daripada 21 kes positif kelmarin.

Data kematian Covid-19 turut bertambah empat lagi memba-



NOOR HISHAM

bitkan dua lelaki dan dua wanita berusia antara 46 hingga 73 tahun di Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Tawau, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penurunan kes

positif di Sabah menunjukkan keberkesanan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit yang dijalankan secara agresif sejak berlaku peningkatan kes di negeri tersebut.

"Perak pula menunjukkan peningkatan dan kebanyakan kes positif itu daripada Kluster Tembok dengan 111 kes baharu dan jumlah keseluruhan kes positif dalam sebanyak 1,943 kes."

"Kluster-kluster di penjara menyumbang kepada kes baharu sebanyak 139 kes atau 12.9 peratus yang melibatkan Kluster Tembok, Kluster Matambai, Kluster Penjara Sandakan, Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Kepayan, Kluster Rumah Merah dan Kluster Benteng LD," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, jelasnya, Kluster Matambai yang membabitkan kluster penjara adalah kluster baharu dilaporkan semalam di daerah Kota Kinabalu dan Penampang, Sabah dengan

kes indeks positif hasil saringan bergejala pada 22 Oktober.

"Kes tersebut telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Matambai, Penampang dan susulan itu, saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 23 lagi kes positif."

"Mereka dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Penjara Wanita Kepayan serta Hospital Queen Elizabeth," ujarnya.

Noor Hisham berkata, satu kes import dilaporkan semalam membabitkan warga Malaysia yang tiba dari Arab Saudi.

Ujarnya, Kluster Jeram di Kubang Pasu, Kedah diisytiharkan tamat dengan lima kes positif serta tiada kematian dilaporkan, sekali gus menjadikan sebanyak 140 kluster tamat sehingga kini.

Ditanya sama ada Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) dibuka semula susulan kes meningkat di Lem-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,103
• Import: 1 Tempatan: 1,102	
• Pulih	821
• Kematian	4
• Masih dirawat	12,601
• Jumlah kes sembuh	35,606
• Jumlah Kematian	313
Jumlah kes keseluruhan	48,520

bah Klang, jelasnya, tiada keperluan buat masa ini memandangkan fasiliti sedia ada mencukupi bagi menampung pesakit.

"Jika terpaksa, baru kita akan menggunakan MAEPS. Setakat ini tidak perlu lagi," jelasnya.

13,190 pekerja Top Glove dikurung

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA - Kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja Top Glove, Klang bermula hari ini sehingga 30 November depan.

Pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan terpaksa dibuat selepas Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 215 kes positif Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPD itu membabitkan 13,190 orang pekerja yang tinggal di kawasan asrama lelaki dan wanita.

Menurutnya, PKPD itu turut membabitkan 1,200 penduduk di kawasan berhampiran.

"PKPD ini akan bermula 17 November (hari ini) sehingga 30 November bagi membolehkan KKM melaksanakan saringan bersasar kepada semua penghuni asrama dan penduduk."

"Pelaksanaan PKPD ini membabitkan kawasan asrama lelaki di Jalan Abadi 1A/KU8, asrama wanita di Jalan Abadi 1A/KU8 dan Jalan Abadi 10A/KU8," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, PKPD di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Kota Kinabalu, Penjara Kepayan dan Kuarters



ASRAMA pekerja syarikat Top Glove di Meru, Klang dikenakan PKPD bermula hari ini sehingga 30 November ini. - ZULFADHLI ZAKI

Penjara Taman Mat Salleh Kampong Matambai Sabah, serta Institut Latihan KKM, Johor Bahru, Johor ditamatkan semalam.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, guru-guru yang bertugas di luar kawasan dibenarkan merentas negeri pulang ke rumah masing-masing namun perlu mendapatkan surat kebenaran daripada polis.

"Sebagai contoh guru yang bertugas di Sabah atau Sarawak yang mahu pulang ke Semenanjung perlu mendapatkan kebenaran daripada polis untuk pulang, begitu juga sebaliknya."

"Memandangkan sekolah di-

tutup dan dijangka dibuka semula Januari depan maka tiada masalah jika pihak polis membenarkan," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian Sumber Manusia akan membentangkan cadangan terperinci kaedah yang sesuai bagi mengawal penularan jangkitan membabitkan pekerja warga asing

"Seramai 1.7 juta jumlah pekerja asing di negara ini, dengan jumlah begitu ramai kalau kita nak buat ujian swab, kita perlu tengok keupayaan makmal, siapa yang perlu bayar dan sebagainya," jelasnya.

542,523 penduduk Sabah jalani saringan Covid-19

KOTA KINABALU - Sebanyak 542,523 penduduk di Sabah telah menjalani ujian saringan Covid-19 sejak 1 Februari lalu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Mohd. Noor berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 23,095 kes positif dikesan di seluruh negeri sehingga kelmarin.

"Kadar kebolehhajangan ialah 1.03 iaitu seorang yang positif boleh menjangkiti seorang lagi individu lain atau kontak rapat," katanya ketika menjawab soalan **Calvin Chong Ket Kiun (Warisan Elopura)** mengenai perkembangan Covid-19 di Sabah.

Mengulas lanjut katanya, setakat semalam, sebanyak 3,755 sampel masih dalam proses ujian di tiga makmal di negeri itu.

"Semua sampel ini diproses di tiga makmal iaitu Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu; Makmal Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Makmal Hospital Queen Elizabeth (HQE) dengan kapasiti 2,700 sampel sehari dan 'outsourcing' kes makmal swasta di Sabah," ujarnya.

Hajiji yang juga Menteri Kewangan Negeri memaklumkan, kerajaan belum berhasrat untuk membina hospital tambahan bagi menampung pesakit

Covid-19 kerana hospital sedia ada masih boleh menampung keperluan ketika ini.

"Kita ada 11 hospital kerajaan yang digunakan untuk merawat kes Covid-19 tahap tiga sehingga lima."

"Hospital berkenaan ialah HQE, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS), Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu, Hospital Keningau, Hospital Kota Marudu, Hospital Kudat, Hospital Semporna, Hospital Queen Elizabeth II dan Hospital Tambunan."

"Selain itu, kita juga mempunyai sebanyak 35 pusat kuarantin dan rawatan Covid (PKRC) untuk menangani kes Covid-19 tahap satu dan dua," jelasnya.

Hajiji berkata, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Kawasan atau Daerah, Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah dan Negeri telah mengenal pasti dewan atau tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai PKRC.

Jelasnya, Hospital Medan di Tawau yang dibina dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia sangat membantu memenuhi keperluan rawatan pesakit biasa di Sabah.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : KOMUNITI KITA



SEBAHAGIAN kakitangan Jabatan Ortopedik HOSHAS, Temerloh yang menyertai ekspedisi mendaki Bukit Kertau, Chenor baru-baru ini.

45 kakitangan Jabatan Ortopedik HOSHAS sertai ekspedisi daki Bukit Kertau

SEMANGAT. Seramai 45 kakitangan Jabatan Ortopedik Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh telah menyertai ekspedisi pendakian

di Bukit Kertau yang terletak di Chenor, Pahang baru-baru ini. Antara objektif utama program berkenaan adalah untuk merapatkan silaturahim

dalam kalangan kakitangan. Pakar Bedah Ortopedik, Dr. Ahmad Mahyuddin Mohamed berkata, program seumpama itu juga boleh

mengurangkan tekanan bekerja selain memupuk budaya sihat menerusi aktiviti riadah. "Walaupun ada beberapa trek pendakian yang sedikit

mencabar dan perlu memegang tali, namun kami tetap berbangga kerana berjaya sampai ke puncak dalam tempoh 45 minit," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Saring individu dari zon merah

KKM pertimbang cadangan ujian saringan Covid-19 jika mahu masuk ke zon hijau

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbangkan cadangan melakukan ujian saringan terhadap individu dari daerah zon merah yang melakukan perjalanan ke zon hijau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tindakan itu sebagai usaha

bagi melindungi negeri atau daerah yang berstatus hijau.

"Kita sedang melihat untuk melakukan saringan dan diuji bagi mereka dari daerah zon merah," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementerianinya di sini semalam.

Menurutnya, KKM turut akan mempertimbangkan cadangan Johor dan Terengganu diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sekiranya terdapat perkembangan baik kedua-dua negeri itu.

"Selepas 20 November, kita akan lihat kembali perkembangan di Dungun dan Johor. Kalau baik, kita pertimbang untuk kembalikan PKPP," katanya.



DR. NOOR HISHAM

Bagaimanapun, beliau berkata, kementerian akan terus melihat langkah-langkah yang boleh melindungi negeri hijau.

"Insya-ALLAH, kalau empat hari lagi perkembangan makin baik, negeri PKPP menjadi enam.

"Tindakan kita melindungi enam negeri ini dengan aktiviti kesihatan awam yang dikenalpasti,"

1,103 kes baharu positif Covid-19

KUALA LUMPUR - Kes baharu Covid-19 yang direkodkan semalam kekal empat digit iaitu 1,103 kes menjadikan jumlah kes positif dalam negara sebanyak 48,520.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dengan perkembangan itu, bilangan kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 ialah 12,601 kes manakala jumlah kes pulih semalam ialah 821 menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 35,606 kes.

Menurutnya, satu kes daripada 1,103 kes baharu yang direkodkan semalam merupakan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Pemulanan tempatan menyaksikan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kes tertinggi dengan 392 kes, diikuti Sabah (288), Selangor (150), Perak (116), Negeri Sembilan (90) dan Pulau Pinang (26).

"Kedah pula mencatatkan 10 kes, Labuan dan Johor masing-masing lapan kes, Kelantan (tujuh), Terengganu (empat) serta Sarawak, Melaka dan Putrajaya masing-masing merekodkan satu kes," katanya pada sidang akhbar mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat empat kes kematian Covid-19 semalam - *Bernama*

kata beliau lagi.


Setakat ini, hanya Pahang, Kelantan, Perlis dan Sarawak dikategorikan

sebagai negeri hijau dan diletakkan di bawah PKPP.

Pada perkembangan sama, KKM menasihati

agar majikan melakukan saringan berkala terhadap pekerja mereka terutamanya di sektor binaan.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



Datuk Seri Dr Adham Baba

THIRD PHASE

Adham: We're highly hopeful of getting vaccines early next year

KUALA LUMPUR: Malaysia is highly hopeful of obtaining Covid-19 vaccines by the first quarter of next year, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said based on reports, there were 10 vaccines that had completed the third phase of clinical tests.

"Pfizer Inc and BioNTech SE claim their vaccine is 90 per cent effective. We are confident that there are many more leading candidates in the world, like Gamaleya Research Institute, whose vaccine has undergone the third phase of clinical tests.

"We see this as a good opportunity to provide vaccines for our people. However, we do not know the results of the third-phase clinical tests for the vaccine from China.

"However, the procurement of vaccines for our country will depend on careful consideration with regard to the quality, safety, implications and registration of these vaccines by the producing countries."

He said this on the *Selamat Pagi Malaysia* programme yesterday.

He said the recovery rate had increased by 73 per cent per cent on Sunday compared with 65 per cent two weeks ago.

On the increase in the number of cases in some states, Federal Territories and the Klang Valley, he said these were linked to workplace and construction site clusters.

"We have to continue with preventive and control measures, adhere to the SOP and adapt to the new norms.

"With regard to the workplace clusters, it is important for employers and workers to be responsible. Employers must ensure that their staff or workers are always protected." **Bernama**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

2 CLUSTERS

D-G: CLUSTER INFECTIONS CONTAINED

No sign Klang Valley construction sector clusters has spread to community, says Dr Noor Hisham

TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THERE is no indication that construction sector clusters in the Klang Valley has spread to the community, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said there were two active construction site clusters: the Merpati cluster at klia2 (52 cases) and Damanlela cluster.

The Damanlela cluster, he said, had recorded 1,132 cases, with 385 reported yesterday, while the Merpati cluster had 52 cases.

"Cases from these construction sector clusters are not in the community yet. They're confined to the construction workers. The majority of cases involve foreign workers.

"Hopefully, we will curb the infections involving construction workers soon," he said, adding

that the authorities would continue screening these clusters.

On whether the Conditional Movement Control Order (CMCO) had failed in the Klang Valley based on the high number of new cases in the area compared with Sabah, he replied in the negative.

He said the CMCO protocol was part of public health intervention measures to curb the spread of the infection.

"I don't see the CMCO as a failure. It is an option for us to strike a balance between saving lives and livelihoods.

"If we were to enforce the MCO, the impact on the economy would be huge.

"If you ask me, we (should) go all out for health and save lives by enforcing the MCO. But this (MCO) would be costly.

"The CMCO works well, but it takes a longer time (to see the results) compared with the MCO. Under the MCO and keeping everyone at home for two weeks, we may be able to break the chain of infection (faster)."

Dr Noor Hisham cited Sabah as a CMCO success story.

"We reduced the number of infections in Sabah. We have not seen an exponential surge in cases."

He said the CMCO had reduced the national infectivity rate from 2.2 at the beginning of the third



Two workers returning home from a construction site in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY FATHIL ASRI

wave to about 1.0 now.

"It's hovering around 1.0. If in the next two weeks we can increase our activities and intervention, I am sure we can reduce the number of cases."

He said Malaysia logged 1,103 new cases over the past 24 hours, with almost 50 per cent of infections coming from the Klang Valley.

This raises the cumulative tally of cases to 48,520.

Only one of the new cases, he said, was imported, involving a Malaysian who returned from Saudi Arabia.

He said the Klang Valley yesterday contributed 49.3 per cent, or 544 cases, with 385 coming from the Damanlela construction site cluster.

Sabah registered 288 cases, and the declining trend, he said, was the result of aggressive containment and prevention action taken in the state.

On new clusters, he said there was one new cluster in Sabah known as the Matambai Cluster.

The index case (Case 22,962) of the cluster, which involves Kota Kinabalu and Penampang districts, was confirmed positive on

Oct 22 during the screening of symptomatic cases.

He said the patient was being treated at a low-risk quarantine and treatment centre in Matambai, Penampang.

"Close-contact screenings have detected another 23 cases. Up to noon, 333 people linked to the cluster were screened, with 24 testing positive, 306 negative, and three waiting for their results."

He said the Health Ministry had ended its 28-day surveillance of the Jeram cluster in Kubang Pasu district in Kedah.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Govt in talks with 10 Covid vaccine producers

► Discussions in final stages and announcement will be made when everything falls into place: Khairy

KUALA LUMPUR: The government is in touch with 10 Covid-19 vaccine producers to secure supplies early.

Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin said communications with potential manufacturers was made immediately after a World Health Organisation announcement on Nov 13 that 11 vaccines were already in Phase 3 of clinical trials.

Khairy said the communications were made directly with eight producers, and through the Covid-19 Vaccine Global Access Facility (Covax) for the other two producers.

"Some of the discussions are in the final stages and an official announcement will be made when everything has been finalised," he said in the Dewan Rakyat yesterday.

Khairy said the discussions covered aspects of cooperation in the various stages of vaccine development such as research

and development, exchange of scientists, fill and finish (transfer of technology, logistics, cold chain) as well as the purchase of vaccines (finished products) as a guarantee of access to vaccine supply for the country.

He was responding to a question from Chan Foong Hin (PH-Kota Kinabalu), who wanted to know whether the ministry had made any orders to import vaccines from companies from China, such as Cansino, Sinovac and Sinopharm, or the United Kingdom, such as AstraZeneca, and whether the ministry would set an order of priority for Covid-19 vaccination as is being done in Indonesia, Bernama reported.

Khairy said through participation in Covax, Malaysia will have access to the supply of Covid-19 vaccines for 10% of the country's population and the government is working to get another 60% to meet the national immunisation target for herd

immunity of up to 70% of the country's population.

He said the government was also working to get vaccine access as early as the first or second quarter of next year, depending on approval from the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).

He said NPRA would ensure that a vaccine passes strict conditions, covering its safety and effectiveness through data on clinical trials conducted.

On the list of immunisation priorities, Khairy said the Special Committee on Covid-19 Vaccine Supply Access set up on Oct 14 has agreed to divide it into three groups, namely the frontliners involving Health Ministry staff, and agencies such as police, armed forces, Immigration Department and others, in the first group.

The second is for high-risk groups, such as individuals with co-morbidity and senior citizens, and the third involves other adult population.

Details on the groups are being made and an announcement is expected in the first quarter of next year.